



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Panduan kerja dalam talian

SAYA merupakan seorang pekerja yang sentiasa berada di luar pejabat dalam mengendalikan urusan syarikat seperti membuat pemasaran, perjumpaan dengan pelanggan dan lain-lain. Jadi, segala urusan pejabat dibuat secara dalam talian. Adakah panduan untuk membolehkan segala urusan pejabat yang dibuat secara dalam talian dibuat dengan baik?

-TELLO, Putrajaya.

Perkembangan teknologi maklumat dan Internet membolehkan seseorang pekerja boleh berada di mana-mana sahaja dan dalam masa yang sama boleh berhubung dengan syarikat dan mengendalikan urusan pejabat secara dalam talian.

Pada hari ini, pekerja tidak lagi dikekang dengan masa pejabat seperti waktu kerja bermula pukul 8 pagi sehingga 4 petang kerana sesuatu kerja boleh dilakukan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja. Apa yang penting adalah integriti dan kreativiti dalam mengendalikan apa sahaja tugas dalam sesuatu pekerjaan.

Perkara ini sudah lama diamalkan oleh syarikat gergasi dunia seperti Intel, Google dan lain-lain. Malah, pihak kerajaan Malaysia juga ada melancarkan beberapa jenis pekerjaan kerajaan yang boleh beroperasi dari rumah. Ini dikatakan *future forward*.

Ada beberapa panduan amalan baik dalam mengendalikan sesuatu tugas pekerjaan secara dalam talian.

1 Pengguna komputer yang khusus untuk melakukan apa sahaja tugas untuk sesuatu pekerjaan. Perkara ini sesuatu yang umum dan banyak cara boleh dilakukan seperti mengadakan satu komputer fizikal secara khusus untuk tujuan pekerjaan dan lain-lain. Apa yang penting adalah perlu pengurusan baik dalam penggunaan sesuatu komputer untuk tujuan pekerjaan atau peribadi. Jangan dicampuradukkan penggunaan komputer untuk tujuan pekerjaan dan peribadi.

2 Sentiasa mengemas kini keselamatan dalam komputer yang digunakan terutama sekali pelayar web, perisian antivirus dan sistem pengoperasian yang digunakan seperti sistem Windows. Namun begitu, perisian lain yang digunakan juga perlu dikemas kini keselamatannya.

3 Komputer yang digunakan mempunyai perisian keselamatan yang dikemas kini seperti perisian antivirus dan anti-*Malware*.

4 Penggunaan rangkaian tanpa wayar dengan sistem keselamatan yang mantap. Elak penggunaan rangkaian tanpa wayar awam seperti yang terdapat di kedai kopi, stesen minyak, restoran makanan segera dan lain-lain.

5 Penggunaan teknologi VPN (*Virtual Private Network*) dalam komputer untuk sambungan rangkaian dan Internet yang lebih selamat.

6 Elakkan orang lain menggunakan komputer yang digunakan untuk pekerjaan terutama sekali kanak-kanak.